

# PEMBERDAYAAN PRODUK WARISAN : INTERAKSIONISME ANTARA JENIS PADI DALAM PANTUN DAN MASYARAKAT MELAYU

NORDIANA BINTI AB JABAR\*

DAENG HALIZA BINTI DAENG JAMAL\*\*

SITI NUR ANIS BINTI MUHAMMAD APANDI\*\*\*

SUDIRMAN BIN KIFFLI\*\*\*\*

nordiana.aj@umk.edu.my\*, haliza.j@umk.edu.my\*\*, nuranis.m@umk.edu.my\*\*\*,  
sudirman.k@umk.edu.my\*\*\*\*

## Abstrak

Pantun merupakan sebuah karya sastera tradisional yang banyak memberi manfaat kepada masyarakat Melayu. Malah, UNESCO berpendapat bahawa pantun bukan sekadar alat komunikasi sosial, tetapi kaya dengan nilai-nilai budaya dan agama yang menjadi garis panduan dalam pembentukan nilai moral masyarakat. Teguran dan pesanan yang disampaikan melalui pantun kebiasaannya menekankan tentang nasihat yang boleh membentuk keperibadian dan keakraban antara masyarakat. Kebijaksanaan dan falsafah pemikiran masyarakat Melayu dalam menghayati unsur-unsur alam dan mengenterpretasikan dalam susunan kata yang menarik melahirkan pantun tradisi. Menerusi makalah ini, dapat ditelusuri aspek interaksionisme antara jenis-jenis padi yang terdapat dalam kumpulan pantun dengan masyarakat Melayu. Manakala teori yang digunakan dalam kajian ini ialah teori 'Semiotics of Poetry' yang dikemukakan oleh Michael Riffaterre (1978). Bagi tujuan menjalankan kajian interaksionisme di antara jenis padi dan masyarakat Melayu, analisis dilakukan melalui koleksi pantun yang terdapat dalam teks Pantun Melayu Bingkisan Permata. Rangkap pantun yang mempunyai leksikal padi dikumpulkan dan beberapa jenis padi dikenalpasti untuk dianalisis.

**Kata Kunci:** Pantun, padi, alam, interaksionisme, masyarakat Melayu

Dihantar: 21 Februari 2023

Disemak: 05 Mac 2023

Diterbit: 31 Mac 2023

\* Pensyarah Kanan di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia

\*\* Pensyarah Kanan di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia

\*\*\* Pensyarah di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia

\*\*\*\* Pensyarah di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia



# EMPOWERMENT OF HERITAGE PRODUCT: INTERACTION BETWEEN TYPES OF *PADI* IN THE COMMUNITY AND MALAY PANTUN

NORDIANA BINTI AB JABAR\*

DAENG HALIZA BINTI DAENG JAMAL\*\*

SITI NUR ANIS BINTI MUHAMMAD APANDI\*\*\*

SUDIRMAN BIN KIFFLI\*\*\*\*

nordiana.aj@umk.edu.my\*, haliza.j@umk.edu.my\*\*, nuranis.m@umk.edu.my\*\*\*,  
sudirman.k@umk.edu.my\*\*\*\*

## Abstract

*Pantun is a culturally significant literary artifact that is of great value to the community. Poetry, according to UNESCO, is not only an instrument of social communication but also a source of cultural and religious values that serve as guidelines for forming a society's moral values. In general, the admonitions and messages conveyed by the verses emphasize the equilibrium and harmony of human relationships. Wisdom and philosophical thought of the Malay community in researching natural elements and mengenterpretasikan to produce a beautiful expression of traditional Malay poetry. This paper traces aspects of the interaction between the rice varieties in the poem and the Malay community. In addition, this study employs Michael Riffaterre's Semiotics of Poetry theory (1978). Poetry collections from the Raya gifts jewel text are analyzed to examine the relationship between the type of rice and the community. Various kinds of paddy were identified and analyzed after collecting verses containing the lexical term 'paddy.*

**Keywords:** poetry, rice, nature, interactionism, Malay culture

Submitted: 21 February 2023

Revised: 05 March 2023

Published: 31 March 2023

\* Senior Lecturer at Faculty of Creative Technology and Heritage, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia

\*\* Senior Lecturer at Faculty of Creative Technology and Heritage, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia

\*\*\* Lecturer at Faculty of Creative Technology and Heritage, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia

\*\*\*\* Lecturer at Faculty of Creative Technology and Heritage, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia



## 1.0 Pengenalan

Simbol merupakan sebuah aspek penting dalam penggunaan bahasa kerana ianya dapat menyampaikan makna dalam sesebuah karya kepada khalayak pembaca. Makna yang disampaikan dalam penggunaan simbol adalah tersurat. Hal ini, dengan wujudnya penggunaan simbol maka sesuatu makna atau idea yang ingin disampaikan boleh digunakan secara kiasan mahupun tersirat. Namun begitu, situasi ini telah menunjukkan bahawa masyarakat Melayu kaya dengan tradisi lisan dan kiasan melalui unsur-unsur simbolik. Makalah ini dihasilkan bagi melihat unsur padi sebagai satu simbolik dalam kehidupan masyarakat Melayu. Unsur padi yang dipilih ialah unsur padi yang terdapat dalam pantun Melayu. Unsur padi yang dipilih pula mempunyai simbolik tertentu dalam kehidupan masyarakat Melayu turun-temurun.

Justeru, melalui simbol alam yang diungkapkan dalam pantun mendukung pelbagai falsafah dan pemikiran masyarakat Melayu dahulu. Simbol dalam pantun juga sangat berperanan kepada masyarakat Melayu tradisional. Segala keluh kesah, pahit getir, masam manis dalam kehidupan akan diluahkan dalam pantun. Oleh itu, menerusi simbol alam yang digunakan dalam pantun memancarkan falsafah pemikiran masyarakat Melayu yang penuh dengan peradaban dan nilai ketamadunan yang tinggi. Pengamatan ini terhasil dengan jalinan hubungan antara manusia dan alam terutamanya alam tumbuhan.

Pada 17 Disember 2020, pantun dan upacara wangkang berjaya dicalonkan dalam kategori Senarai Wakil Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO). Pantun diangkat sebagai satu Warisan Budaya Tidak Ketara Kemanusiaan dan ia merupakan pencalonan multinasional. UNESCO telah mengangkat pantun ini sebagai wadah tradisi lisan yang penting bagi masyarakat Melayu. Pantun bukan hanya dijadikan sebagai alat komunikasi sosial, akan tetapi ia juga sarat dengan nilai-nilai budaya dan agama yang boleh dijadikan sebagai panduan kepada masyarakat Melayu. Lantaran itu, pantun juga turut menitikberatkan aspek keseimbangan dan keharmonian dalam hubungan antara manusia.

Tradisi pantun telah ditetapkan sebagai Warisan Budaya Takbenda pada sesi ke-15 persidangan UNESCO di Paris, Prancis pada 17 Disember lalu. Pantun merupakan sebuah karya sastera tradisional yang mempunyai empat baris dalam tiap-tiap rangkap yang mana baris pertama merupakan pembayang manakala baris kedua adalah maksudnya. Pengiktirafan ini berjaya mengeratkan hubungan serta jalinan kerjasama yang melibatkan antara UNESCO dan Negara Anggota Konvensyen 2003.

Pada dasarnya, memetik pendapat Harun Mat Piah (2007), pantun mampu menginspirasi masyarakat yang berjaya melahirkannya kerana ia menyatakan latar alam dan latar budaya masyarakat yang diwakilinya. Hal ini dapat dilihat menerusi pantun di bawah:

Kayu jati teras binalu  
Bunga rampai di dalam puan  
Biar kumati jangan kumalu  
Syukur kusampai denganmu tuan.



Pantun di atas menerapkan objek dari alam flora sebagai lambang kepada situasi yang dihadapi. Kayu jati dan teras binalu menjadi lambang kepada keteguhan cinta, azam dan sumpah setia yang cukup penting dalam kehidupan berkasih. Suatu perkara yang menarik di sini adalah pemilihan objek flora mahupun fauna, ialah kepekaan masyarakat terhadap tabii objek yang dipilih dan pemilihan biasanya daripada jenis yang indah sifatnya (Harun Mat Piah, 2007).

Menurut Salinah Ja'afar (2016), pemerhatian masyarakat Melayu tradisional terhadap unsur alam dan dimanifestasikan dalam bentuk perbilang adat yang juga turut diinterpretasikan dalam bentuk pantun jelas menggambarkan daya kreativiti masyarakat Melayu. Maksud yang cuba disampaikan melalui pantun juga indah dan menarik. Dari aspek pemilihan leksikal juga jelas menggambarkan keindahan dan mempunyai fungsi leksikal tersendiri. Justeru menjadi pedoman dalam penciptaan pantun Melayu. Hal ini juga turut ditegaskan menerusi kenyataan di bawah:

Penggunaan alam dalam pantun peribahasa memperlihatkan bagaimana unsur alam seperti tumbuhan, haiwan, flora dan fauna diadaptasi dan dipersembahkan dalam bentuk yang tersusun rapi. Setiap unsur yang digunakan mempunyai fungsi leksikal yang tersendiri yang bukan sahaja mengandungi maksud mendalam, tetapi menunjukkan keperibadian dan ketinggian aspek pemikiran yang dapat mengaitkan setiap unsur alam dengan dunia kehidupan masyarakat Melayu.

(Salinah Ja'afar, 2016)

Justeru, makalah ini membincangkan tentang segala tamsil yang diambil daripada alam untuk dijadikan perbandingan dan pedoman dalam kehidupan masyarakat Melayu dahulu. Susunan kata-kata yang indah yang menghasilkan pantun menggambarkan ketinggian falsafah pemikiran masyarakat Melayu dalam menyampaikan ajaran, didikan mahupun sindiran dalam kalangan masyarakat.

## 2.0 Permasalahan Kajian

Pantun yang menerapkan unsur alam mempunyai keistimewaan tersendiri kerana ianya melambangkan tahap kebolehan masyarakat Melayu dalam menonjolkan falsafah pemikiran mereka dalam melakukan sesebuah perkara. Jika diteliti dengan rinci, dapat kita lihat bahawa banyak penggunaan unsur alam seperti flora atau fauna, unsur air, dan sebagainya yang diaplikasikan sewaktu menghasilkan pantun. Penggunaan unsur ini bertujuan sebagai alat kiasan, fikiran dan didikan. Penggunaan unsur alam dalam pantun juga melambang simbolik tertentu dalam kehidupan masyarakat Melayu. Dalam kajian ini, unsur alam yang dikenal pasti dan dianalisis ialah pokok padi yang mewakili unsur alam yang memainkan peranan yang sangat penting dalam aspek kehidupan manusia. Padi juga merupakan aspek yang penting bagi masyarakat dan juga merupakan sebagai sumber ekonomi masyarakat dalam meneruskan kelangsungan hidup. Namun begitu, unsur-unsur lain yang berkaitan dengan padi juga dijadikan data bagi menyokong hujah dalam makalah ini.




### 3.0 Tujuan Kajian

1. Meneliti fungsi padi dalam kehidupan masyarakat Melayu.
2. Menghuraikan aspek penggunaan tumbuhan padi sebagai satu simbolik dalam kehidupan masyarakat Melayu.

### 4.0 Kaedah dan Skop Kajian

Kajian ini menganalisis dan mengkaji simbol tumbuhan yang digunakan dalam pantun Melayu. Penulisan makalah ini adalah dengan menggunakan kaedah kepustakaan menerusi rujukan dan penelitian terhadap kumpulan pantun Melayu: Bingkisan Permata (2001).



Rajah 1: Pendekatan 'Semiotics of Poetry'

Memetik pendapat Riffaterre (1978), melalui sudut semiotik khususnya pantun, boleh dikaitkan dengan hal-hal yang berada pada luar lingkungan dan selaras dengan sistem tanda yang mempunyai makna. Pemakaiannya tidak lepas daripada konvensi dan hal-hal di luar daripada strukturnya. Menurut beliau lagi, perkara ini telah diterangkan dalam Teori Semiotik Riffaterre (1978) bahawa pandangan semiotik bukan hanya dapat mengaitkan dengan sistem yang terdapat dalam puisi itu sendiri tetapi juga dengan sistem luarnya.

Menurut Riffaterre (1978) lagi, khalayak pembaca bertanggungjawab menyampaikan maksud berdasarkan simbol-simbol yang terdapat dalam puisi. Setiap simbol-simbol yang terdapat dalam puisi mempunyai maksud yang tersendiri setelah dilakukan penelitian dan pembacaan terhadapnya. Maka, ketika itulah akan berlakunya proses pemindahan semiotik melalui tanda ke tanda dalam pemikiran khalayak pembaca. Secara asasnya, menerusi teori Semiotik Riffaterre (1978) yang menggagaskan empat aspek utama sebagai acuan serta langkah dalam proses produksi makna yang terkandung dalam puisi.



Antara empat aspek utama yang terdapat dalam teori tersebut ialah ketidaklangsungan ekspresi, yang kedua ialah pembacaan heuristik dan pembacaan hermeneutik, ketiga ialah matriks, model dan varian-variannya dan yang terakhir iaitu yang keempat ialah hipogram. Puisi merupakan aktiviti bahasa yang berbeza dengan pemakaian bahasa pada umumnya. Puisi memiliki sebuah bahasa tersendiri yang mana ianya boleh melambangkan sesebuah konsep secara tidak langsung. Berdasarkan dalam puisi, ketidaklangsungan ekspresi adalah tunjang utama teori. Tunjang utama ini akan memperincikan bahawa puisi akan memformulasikan konsep dan sesuatu secara tidak langsung (Riffaterre, 1978).

## 5.0 Sorotan Literatur

Masyarakat Melayu menerapkan kebijaksanaan mereka bagi mendalami penggunaan tanda-tanda unsur alam yang bertujuan untuk melahirkan sebuah ungkapan yang indah dalam puisi tradisional, puisi moden, peribahasa, simpulan bahasa dan sebagainya. Antara unsur alam yang sering digunakan ialah aspek tumbuh-tumbuhan. Antara jenis tumbuh-tumbuhan yang sering digunakan ialah padi. Seperti yang kita sedia maklum, padi merupakan sumber ekonomi utama makanan masyarakat Melayu. Justeru, terdapat pelbagai unsur-unsur tersirat dalam leksikal padi dapat dihuraikan. Terdapat banyak kajian tentang tumbuhan padi yang telah dilakukan oleh sarjana.

Merujuk kepada kajian yang dilakukan oleh Noraini & Tengku Marlina (2016) tentang penggunaan unsur tumbuhan padi dalam peribahasa Melayu mendapati bahawa penggunaan padi yang dipilih dapat memberikan tanda-tanda tertentu. Dapatan kajian ini memperincikan penggunaan unsur padi dalam peribahasa Melayu sebagai tanda hubungan kekeluargaan, pembinaan akhlak, dan sumber rezeki. Justeru itu, unsur lain yang berkaitan tumbuhan padi juga turut diperincikan dalam kajian ini.

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan membuktikan bahawa padi menjadi tanda dalam peribahasa dan memberi sebuah maksud yang tersirat berdasarkan kehidupan masyarakat Melayu. Kebiasaannya, penggunaan unsur padi ini dijadikan sebagai lambang pembinaan akhlak, hubungan kekeluargaan dan sebagai sumber rezeki. Kesimpulannya, jelas dapat dilihat bahawa masyarakat Melayu definisikan padi sebagai alat yang boleh membentuk sahsiah masyarakat Melayu. Justeru, bagi mengukuhkan ukhwah sesama masyarakat, penyatuan unsur dalaman dan unsur luaran itu penting supaya hasilnya dapat dirungkaikan melalui tingkah laku, adab dan pemikiran yang waras. Faktor inilah yang dapat mencapai kesemua matlamat kebajikan, ketakwaan dan kesusilaan. Maka terbuktilah disini bahawa penggunaan tanda-tanda dalam peribahasa perlu dihayati dan diteliti dengan lebih peka supaya maksud yang ingin disampaikan selari dengan ajaran agama Islam (Noraini & Tengku Marlina, 2016).

Begitu juga kajian yang dilakukan oleh KP Kinanti & AK Rachman (2019) menerusi kajian tentang penggunaan padi dalam kalangan masyarakat Indonesia menggunakan semantik inkuisitif. Kajian ini memberi penelitian terhadap peribahasa Indonesia. Penggunaan leksikal padi dan berkombinasi dengan tumbuhan lain banyak didapati dalam peribahasa Indonesia. Dalam penemuan tersebut antaranya, kombinasi padi-ilalang memiliki domain pertentangan antara kebaikan dan keburukan. Manakala



kombinasi padi-jagung pula memiliki domain pelengkap atau pengganti dan makna lain yang ditemukan dalam peribahasa yang menggunakan padi ialah kekayaan dan kemakmuran.

Melalui analisis semantik kognitif padi yang sering digunakan dalam kalangan masyarakat Indonesia membawa makna kebaikan, keutamaan, kemakmuran dan kekayaan. Penutur peribahasa terdahulu menggunakan leksikal padi sebagai metafora dalam peribahasa bukanlah sewenang-wenang tetapi berdasarkan pengamatan, penelitian dan pemaknaan terhadap alam semulajadi. Justeru, padi dipilih kerana wujudnya keakraban padi dengan masyarakat Indonesia. Malah, padi dianggap sebagai dewi penyelamat dan dewi kehidupan bagi masyarakat di Indonesia (KP Kinanti & AK Rachman, 2019).

Menyentuh pula kajian yang dilakukan oleh JS Badudu (2009) dan MK Wasri (2007) menerusi pengumpulan peribahasa yang menggunakan leksikal tumbuh-tumbuhan. Tumbuh-tumbuhan yang ditemukan dalam peribahasa Indonesia yang dikumpulkan antaranya ialah padi, delima, kopi, kacang, nangka, ubi, lada, bambu, mentimun, rumput dan banyak lagi. Dari pelbagai jenis tumbuhan yang telah disenaraikan, penggunaan tumbuhan padi merupakan yang paling banyak digunakan sebagai metafora dalam peribahasa. Justeru, kekerapan penggunaan leksikal padi menjadi indikasi bahawa masyarakat Indonesia memiliki hubungan yang sangat kuat dengan tumbuhan ini.

Meneliti pula makalah yang dihasilkan oleh Saidatul Nornis (1999) tentang penelitian awal penanaman padi dalam kalangan petani Bajau. Unsur padi dianggap sebagai harta yang bernilai dalam kalangan masyarakat Melayu tradisional. Hal ini kerana wujudnya penggunaan unsur padi dalam peribahasa misalnya '*Ada padi, segala menjadi*' dan '*Ada padi semua kerja jadi, ada beras semua kerja deras*'. Malah, padi juga dijadikan sebagai contoh tauladan yang baik dan menjadi ikutan iaitu '*Ikutlah resmi padi, semakin berisi semakin tunduk*' yang membawa maksud merendahkan diri. Padi menjadi asbab sebagai tanaman utama bagi masyarakat Melayu dan menjadi salah satu aspek kebergantungan dalam menjalani kehidupan.

Hal yang demikian telah menimbulkan pelbagai perasaan, harapan, kebergantungan, keresahan dan sebagainya yang akhirnya melahirkan pelbagai kepercayaan dan amalan magis yang berkaitan dengan penanaman padi (Amat Juhari Moain, 1993). Malah, kejadian yang sama dihadapi oleh petani Bajau. Masyarakat Bajau mempercayai bahawa adanya unsur-unsur yang tidak baik sehingga dapat menjejaskan tanaman padi. Hal tersebut juga menyebabkan timbulnya amalan magis yang bertujuan untuk menghalang perkara tidak diingini berlaku kepada hasil tanaman padi mereka. Aspek yang menjadi tumpuan dalam kajian ialah tentang semangat padi dan mantera yang dilakukan dalam proses penanaman padi. Kajian telah dijalankan di Kota Belud kerana kegiatan Pertanian padi telah menjadi darah daging masyarakat Bajau di Sabah (Saidatul Nornis, 1999).

Memetik pula pendapat Wan Abdul Kadir (1992), dalam konteks masyarakat Melayu kini, mereka menganggap pokok padi hanyalah sebagai pokok yang menghasilkan beras semata-mata tanpa melihat manfaat dan fungsi yang lain. Setiap aspek dalam proses penghasilan padi, beras dan sehingga menjadi nasi tidak dihayati secara halus oleh masyarakat moden. Hal ini berbeza dengan masyarakat Melayu tradisional yang mana mereka sangat mengagumi hasil tumbuhan padi. Menurut beliau lagi, berdasarkan





kepada kegiatan menanam padi kehidupan masyarakat Melayu banyak mempengaruhi kepada perlakuan-perlakuan yang berkaitan dengannya. Padi dapat mempengaruhi pemikiran dan kelakuan mereka dan serta dijadikan lambang dalam pembentukan tradisi masyarakat.

Penjelasan rinci yang diberikan tentang padi menunjukkan bahawa unsur tumbuhan padi mempunyai pengaruh yang besar dalam kehidupan masyarakat Melayu. Malah, falsafah tentang padi juga membuktikan bahawa pemikiran masyarakat Melayu mampu mencapai tahap intelektual dalam pelbagai sudut berdasarkan lingkungan yang dipengaruhi oleh padi. Misalnya, sifat-sifat yang terdapat pada pokok padi itu sendiri seperti menunduk apabila buahnya masak, antah yang kualitinya yang tidak bagus dalam beras, serta perbandingan pokok padi dengan lalang atau jagung, serta peralatan yang sering dikaitkan dengan penanaman padi. Kesemua aspek tersebut melambang wadah pemikiran masyarakat Melayu tradisi dan hal demikian itu dikaitkan dengan kehidupan seharian mereka (Wan Abdul Kadir, 1992).

Seterusnya, menelusuri pula kajian yang dilakukan oleh Rejab F.I. (1992) tentang adat bersawah yang menjadi amalan secara turun-temurun oleh masyarakat Melayu di Perlis. Dalam kajian beliau, aspek-aspek penting yang telah dikaji dalam proses penanaman padi antaranya ialah daripada aspek kejenteraan, musim bersawah, mengerjakan tanah, padi benih, cara menanam, menuai, gotong royong, semangat padi dan pantang larang. Dalam kajian beliau, bermula dari awal proses penanaman sehingga berakhirnya proses penanaman padi. Dalam kajian beliau juga menunjukkan tentang perkembangan yang berlaku dalam pertanian padi. Revolusi pertanian yang berlaku juga menghadkan penggunaan tenaga manusia. Walau bagaimanapun, setiap aspek pantang larang tetap dipatuhi bagi mengelakkan berlakunya perkara yang tidak diingini.

Makalah yang dihasilkan oleh JS Ginting (2014) yang tentang pesta tradisi masyarakat Karo dalam penanaman padi. Masyarakat Karo merupakan etnik yang mendiami di dataran tinggi Karo dan mereka melakukan aktiviti penanaman padi sebagai sumber ekonomi utama golongan mereka. Tanaman padi mempunyai pengaruh yang kuat dalam kehidupan masyarakat Karo sehingga mereka mengadakan upacara khusus untuk menunjukkan rasa syukur mereka atas hasil tuaian yang mereka perolehi. Kerja tahun merupakan tradisi yang berhubung dengan pertanian padi dan ia membawa makna Pesta Rakyat yang dilakukan secara rutin setiap tahun. Terdapat segelintir masyarakat yang merayakan pada awal penanaman padi, masa padi mulai berdaun, menguning atau setelah tiba musim menuai.

Dalam kalangan masyarakat Karo, tanaman padi diibaratkan primadona. Padi adalah tanaman penting selain sebagai bahan makanan, tanaman padi merupakan sumber ekonomi dan lambang prestij sosial dalam kalangan masyarakat Karo. Keluasan tanah sawah dan saratnya lombong padi menjadi pengukur kekayaan seseorang dalam masyarakat Karo. Menerusi kajian tersebut juga, dapatlah disimpulkan bahawa tradisi ini sarat dengan nilai yang mendukung aspek keagamaan dan sosial sejalan dengan perubahan konteks dan dan fungsi. Namun begitu, tradisi tersebut adalah hal yang perlu dikekalkan dengan penyesuaian terhadap keadaan dan keperluan semasa masyarakat (JS. Ginting, 2014).





## 6.0 Analisis dan Perbincangan


Analisis kajian membincangkan tentang unsur padi yang digunakan di dalam pantun Melayu. Unsur padi menjadi salah simbolik atau lambang dalam menyampaikan sesuatu perkara. Kepelbagaian aspek simbolik yang didukung oleh unsur padi disampaikan melalui pantun dan menonjolkan tentang kepercayaan, kekuatan, perasaan, budi pekerti, kemasyuran dan akhlak. Jadual 1 di bawah merupakan pembahagian tentang penggunaan unsur padi sebagai satu simbolik dalam kalangan masyarakat Melayu. Jadual 1 di bawah menunjukkan jenis-jenis padi dan deskripsi ciri-ciri dan habitat padi tersebut.

**Jadual 1:** Kategori unsur padi dalam Pantun Melayu

Bil.	Jenis padi	Deskripsi dalam pantun	Profil (Ciri & habitat)
1.	Padi Paya	Keluar makan <i>padi paya</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Padi yang ditanam di kawasan air bertangkung</li> <li>• Ditanam di tanah jenis aluvium..</li> </ul>
2.	Padi Pulut	Tuan ketam <i>padi pulut</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Nama saintifik <i>Oryza sativa</i> var. <i>glutinous</i></li> <li>• Menghasilkan beras melekit setelah ia dimasak dan berkeadaan seperti gam.</li> <li>• Di Malaysia dikenali sebagai Beras Pulut.</li> <li>• Kandungan bahan 'Gluten' di dalam beras pulut yang menyebabkan ia melekit.</li> <li>• Juga turut dikenali sebagai Beras Manis, Beras Berlilin, Beras Permata, Beras Botan, Beras Mochi dan Beras Birion</li> <li>• Terdapat dua jenis iaitu Beras Pulut Putih dan Beras Pulut Hitam.</li> <li>• Tanaman ini memerlukan air dan baja yang cukup.</li> </ul>
3.	Padi Huma		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penanaman padi daratan (padi huma) dilakukan di kawasan tanah pamah dan juga di lereng-lereng bukit. Penanaman ini banyak dilakukan oleh petani yang hidup berpindah randah.</li> <li>• Padi yang ditanam secara ini adalah padi berat ataupun padi jangka masa panjang.</li> <li>• Penanaman padi huma, tidak memerlukan penjagaan yang rapi dan taburan hujan yang banyak</li> </ul>
4.	Padi Jawi	Saya ketam <i>padi jawi</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Padi Jawi seperti padi biasa dan berasnya boleh dimasak nasi.</li> </ul>
5.	Padi Baluk	Padi bernama <i>padi baluk</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bermaksud liat, perahu muatan (Kamus Dewan Edisi ke-4)</li> </ul>
6.	Padi Bukit	<i>Padi bukit</i> sambang selalu	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Juga dikenali sebagai padi Huma</li> <li>• Ditanam di kawasan tanah mineral atau tanah tanpa genangan air di kawasan lereng bukit.</li> <li>• Kebanyakannya ditanam di kawasan pedalaman oleh masyarakat Orang Asli di Semenanjung</li> </ul>



			Malaysia dan juga penduduk pribumi di pedalaman Sabah dan Sarawak.
7.	Padi Merbuk	<i>Padi merbuk</i> padi Aceh	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dituai dengan memotong tangkai padi menggunakan sejenis pisau khas yang dibuat sendiri dipanggil 'ani-ani' atau ketam.</li> <li>• Padi bukit ini dijemur sehingga kering di bawah sinaran matahari sebelum ditumbuk dan ditampi.</li> <li>• Berasal dari Merbok, Kedah.</li> <li>• Pengeluar padi terbesar di Malaysia (70%)</li> </ul>
8.	Padi Aceh	<i>Padi merbuk</i> <i>padi</i> Aceh	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Berasal dari Aceh</li> <li>• Kepelbagaian padi lokal Aceh seperti Sanbei dan Sigupai lebih unggul dibandingkan dengan kepelbagaian unggul nasional.</li> </ul>



**Rajah 2:** Kekerapan Penggunaan Jenis Padi Dalam Pantun.

Menerusi koleksi pantun Melayu Bingkisan Permata sebanyak 1560 buah pantun yang mengandungi aspek flora telah dikeluarkan. Manakala sebanyak 201 buah pantun Melayu yang menggunakan aspek padi dalam pantun. Sebanyak 184 pantun yang menggunakan istilah padi dalam pantun. Penggunaan istilah padi paya diulang sebanyak dua kali, manakala istilah padi pulut sebanyak empat kali, padi huma sebanyak empat kali, padi Bukit sebanyak tiga kali, dan padi Baluk, padi Merbuk, padi Jawi dan padi Aceh sebanyak satu kali.



## 6.1 Padi Paya

Ayam denak dalam hutan  
Keluar makan *padi paya*  
Jinak-jinak orang jantan  
Orang betina kena perdaya.

(PMBP 2007, 88)

Merujuk kepada unsur padi paya. Istilah paya menurut Kamus Dewan Edisi ke-4 (2010) didefinisikan sebagai kawasan tanah yang digenangi air dan ditumbuhi berbagai-bagai jenis tumbuhan. Paya juga merupakan tanah bencah yang ditanami padi, bendang dan sawah. Maksud keseluruhan pantun merujuk kepada sifat perempuan yang lemah lembut dan mudah termakan pujuk rayu. Manakala unsur padi pula merupakan simbolik kepada perlakuan atau akhlak manusia. Dalam menghasilkan tanaman padi yang subur, setiap pengusaha tanaman padi haruslah memiliki akhlak yang baik. Hal yang demikian adalah kerana proses penanaman padi memerlukan jangka masa yang lama dan memerlukan tahap kesabaran yang tinggi sehinggalah padi dapat dituai.

Justeru, dalam pantun Melayu di atas membicarakan tentang perihal akhlak seorang perempuan. Namun begitu, dalam kelembutan sifat perempuan tetap ada kelemahan iaitu mudah termakan pujuk rayu dan mudah terperdaya. Menurut Hashim Musa (2008) dalam konteks masyarakat Melayu, individu yang bermoral, dan berakhlak tinggi akan disanjung oleh masyarakat kerana mereka dilabelkan sebagai orang yang “budiman”.

## 6.2 Padi Pulut dan Padi Jawi

Tuan ketam *padi pulut*  
Saya ketam *padi jawi*  
Tuan berkata sedap di mulut  
Saya mendengar sakit hati.

(PMBP 2007 )

Leksikal jawi menurut Kamus Dewan Edisi Ke-4 ialah lembu atau sapi dan maksud kedua ialah padi biasa bukan padi pulut. Merujuk kepada pantun di atas, simbolik penggunaan unsur padi juga adalah untuk menerangkan tentang akhlak. Tutar kata atau budi bicara merupakan salah satu aspek dalam pembinaan akhlak mulia. Perbuatan menjaga lisan dan percakapan juga merupakan asas penting dalam pembinaan akhlak yang baik. Menjaga percakapan sangat penting dalam masyarakat supaya tidak menyakitkan hati pihak lain. Melalui percakapan yang baik menjadikan seseorang itu dipandang mulia dan dihormati. Surah an-Nisa', ayat 148 juga menyatakan betapa pentingnya mengawal lisan. Hal ini dapat dilihat menerusi maksud ayat di bawah:

Allah tidak menyukai perkataan-perkataan buruk (yang diucapkan) secara terus-terang kecuali oleh orang yang dizalimi. Dan sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.

(An-Nisa', ayat 148)



Zaitul Azma & Ahmad Fuad (2012) menyatakan bahawa ucapan buruk yang dimaksudkan ialah mencela, memaki, memperkatakan tentang aib orang lain, menyakitkan hati orang lain, dan sebagainya. Melontarkan kata-kata yang tidak baik akan mengakibatkan berlakunya perkara yang buruk. Justeru, pantun di atas bermaksud akan ada manusia yang akan terasa sakit hati apabila kita tidak menjaga tutur bicara. Oleh yang demikian, unsur padi ini terbukti menjadi unsur simbolik dalam kehidupan masyarakat Melayu dalam menjalani kehidupan seharian.

### 6.3 Padi Baluk

Patah menimpa batang padi  
Padi bernama *padi baluk*  
Kena di badan terus ke hati  
Masyurlah nama kepada makhluk.

(PMBP 2007, 2014)

Seterusnya, merujuk pula kepada padi baluk. Leksikal baluk didefinisikan sebagai pemalas. Simbol padi yang digunakan dalam pantun juga merujuk kepada akhlak. Merujuk kepada maksud yang cuba disampaikan dalam pantun juga adalah tentang manusia yang sangat mementingkan kemasyuran. Melakukan sesuatu perkara semata untuk mendapat pujian daripada manusia dan tidak mementingkan keikhlasan. Hal yang demikian adalah kerana setiap manusia mempunyai kebaikan dan keburukan. Namun begitu, sifat malas itu adalah bertentangan dengan nilai dan ajaran dalam agama Islam. Dan sifat malas juga amat dibenci dalam Islam.

Menurut Laurent Metzger (2009) menyatakan bahawa di samping nilai-nilai yang dianggap begitu tinggi dan murni, terdapat juga nilai yang dianggap lemah atau dilihat agak janggal oleh pemerhati. Oleh yang demikian, dalam semua usaha manusia, terdapat dua pandangan mengenai sesuatu. Justeru, dari satu sudut sesuatu itu boleh diterima dan dipuji tetapi dari satu sudut yang lain pula perkara yang sama disifatkan sebagai tidak baik dan perlu dihapuskan. Menurut beliau lagi, kemungkinan sifat yang paling ditentang oleh masyarakat Melayu sendiri ialah gambaran sikap malas yang diberi oleh sesetengah orang asing terhadap masyarakat Melayu.

Terdapat juga beberapa tokoh tertentu yang menasihatkan supaya masyarakat tempatan supaya tidak bersikap malas. Dalam alam Melayu misalnya Munsyi Abdullah menasihatkan supaya seluruh masyarakat tidak mengamalkan sikap malas. Antara tokoh yang diperkatakan ialah tokoh politik Filipina, Jose Rizal yang menyeru supaya teman-teman senegarannya dan seluruh masyarakat supaya tidak bersikap malas (Laurent Metzger, 2009). Oleh itu, setiap golongan masyarakat haruslah menjauhi sikap malas supaya setiap pekerjaan yang dilakukan berjaya.



#### 6.4 Padi Bukit

Subur padi di sawah seberang  
*Padi bukit* sambang selalu  
Kalau budi dikenang orang  
Mengapa dagang terbangun lalu.

(PMBP 2007, )

Merujuk pula pantun dia atas, leksikal bukit menurut pentakrifan Kamus Dewan Edisi Ke-4 (2010) ialah kawasan tanah yang tinggi tetapi tidak setinggi gunung. Merujuk kepada maksud keseluruhan pantun ialah golongan masyarakat yang tidak tahu mengenang budi. Hal ini dapat dilihat menerusi baris ketiga dan keempat pantun iaitu "*kalau budi dikenang orang, Mengapa dagang terbangun lalu*". Pembayang yang digunakan iaitu unsur padi bukit merujuk kepada akhlak yang baik iaitu berbuat budi dan kebaikan sebanyak yang mungkin. Hal ini dapat dilihat menerusi sifat atau ciri yang terdapat pada bukit iaitu bersifat besar.

Dalam melakukan budi dan kebaikan, kita tidak boleh mengharapkan balasan. Menurut Mustafa (1995), akhlak sebagai asas budi bahasa Islam yang membawa maksud perwatakan yang baik dan terpuji mengikut ajaran Islam serta diamalkan oleh semua umat manusia. Justeru, bagi membuktikan betapa pentingnya akhlak dalam kehidupan manusia, diutuskan Rasulullah SAW bagi menyempurnakan akhlak manusia. Oleh yang demikian, simbolik kepada penggunaan padi bukit dalam pantun di atas berterusan melakukan kebaikan dan menabur budi walaupun tidak semuanya dihargai oleh orang lain.

#### 6.5 Padi Merbuk dan Padi Aceh

*Padi merbuk padi Aceh*  
Hendak dijual di tengah pekan  
Biarlah buruk hatinya kasih  
Orang cantik tak boleh dimakan.

(PMBP 2007, 2812)

Pantun yang seterusnya menggunakan simbol padi Merbuk dan padi Aceh adalah berdasarkan nama tempat. Hal ini adalah kerana, Merbuk dan Aceh merupakan salah satu kawasan yang mengeluarkan hasil padi terbanyak dan penanaman padi dijalankan secara meluas. Melalui unsur padi yang digunakan dalam pantun juga merujuk kepada akhlak. Perkara ini terbukti apabila pemantun menggunakan padi yang menjadi mercu tanda sesuatu tempat. Misalnya di Merbok Kedah merupakan pengeluar terbesar padi di Malaysia iaitu sebanyak 70% hasil tanaman padi adalah dihasilkan di sana. Begitu juga dengan Aceh yang turut terkenal dengan keluasan sektor penanaman padi.

Hal yang demikian membuktikan bahawa masyarakat petani di Merbok dan Aceh merupakan masyarakat yang sangat rajin. Akhlak ini merupakan satu akhlak yang terpuji yang harus menjadi amalan. Menurut Hashim Musa (2008), elemen moral dan nilai murni rajin merupakan salah satu daripada elemen utama unsur pembentukan moral dan etika mulia. Dalam konteks masyarakat kini, dapat kita lihat bahawa wujudnya usaha untuk memupuk masyarakat agar lebih beretika



supaya dapat membentuk masyarakat yang bersahsiah mulia dan mengamalkan nilai murni. Antara nilai murni yang cuba diterapkan ialah penyayang, pemurah dan belas kasihan, jujur, adil, dan banyak lagi. Dan nilai murni rajin merupakan salah satu elemen nilai murni yang cuba diterapkan.

Kesimpulannya, unsur 'padi' menjadi satu aspek simbolik dalam kehidupan masyarakat Melayu. Unsur padi menjadi satu simbolik kepada pembentukan akhlak mulia dalam kalangan masyarakat. Di samping sokongan dari beberapa faktor lain. Kepekaan masyarakat terhadap penggunaan leksikal padi dalam baris pantun juga membuktikan bahawa kehidupan manusia sangat berkait rapat dengan alam semula jadi terutamanya tumbuh-tumbuhan.

## 7.0 Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan dan analisis tentang unsur padi yang terdapat dalam pantun Melayu, padi mendukung nilai simbolik dalam kehidupan masyarakat Melayu sejak turun temurun. Pantun pula menjadi medium penting untuk menyampaikan buah fikiran. Segala yang diinginkan tidak dibuktikan secara nyata sebaliknya dinyatakan melalui simbol dalam pantun seperti simbol flora dan fauna. Antara simbol tumbuhan yang digunakan ialah sirih, bunga, asam dan pinang.

Zurinah Hassan (2010) menyatakan bahawa penggunaan simbol tumbuhan dalam pantun menjadi sumber perlambangan yang penting. Hal ini, dilakukan oleh pemantun yang mana ianya menggunakan sesuatu imej atau sesetengah bahagian seperti daun, bunga, akar dan sebagainya untuk menyampaikan sesuatu makna dalam puisi berdasarkan fungsi bahagian yang berkaitan.

Selain itu, pencipta pantun juga menerapkan pelbagai jenis tumbuhan yang boleh dikaitkan dengan kehidupan dan perlakuan manusia. Hal ini bertujuan, untuk menyampaikan maksud yang lebih jelas kepada masyarakat bahawa kehidupan masyarakat sangat dekat dengan alam semula jadi. Justeru, dalam makalah ini dapat dilihat penggunaan simbol padi sebagai simbolik kepada aspek pembinaan akhlak manusia. Hal yang demikian adalah kerana penanaman padi memainkan peranan yang besar dalam kehidupan masyarakat Melayu sepanjang tempoh musim menanam bermula dari semaian benih padi hinggalah proses menuai. Proses penanaman ini secara tidak langsung mendidik masyarakat tentang akhlak mulia antaranya kuat berusaha, sabar, bertawakal dan bersyukur.

Kesimpulannya, penggunaan aspek tumbuhan padi jelas menunjukkan bahawa masyarakat Melayu menggunakan simbol untuk menyampaikan kiasan. Melalui pantun, pemilihan sesuatu simbol akan berkait dengan makna yang ingin disampaikan. Seperti pemilihan simbol padi dalam pantun Melayu yang melambangkan hubungan kiasan serta saranan yang sangat rapat dengan masyarakat Melayu sehingga dapat dikatakan bahawa kehidupan masyarakat Melayu sepenuhnya mempengaruhi kegiatan menanam padi. Oleh yang demikian, wujudlah hubungan yang akrab antara masyarakat Melayu dengan alam semula jadi sehingga dapat mempengaruhi penciptaan pantun.



## 8.0 Penghargaan

Makalah/artikal ini disokong oleh *Skim Fundamental Research Grant* (R/FRGS/A0200/01456A/002/2019/00712) dibawah tajaan Kementerian Pengajian Tinggi.

## Rujukan

- Amat Juhari Moain. 1993. Kepercayaan dan amalan magis di sekitar penanaman padi di kalangan orang Melayu di Malaysia. Dlm. Nik Safiah Karim (pnyt.). *Segemal Padi Sekunca Budi: ke arah menghayati budaya padi: 159-183*. Universti Malaya: Akadcmi Pengajian Melayu.
- Harun Mat Piah. 2007. *Pantun Melayu: Bingkisan Permata*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan Kuala Lumpur.
- Hashim Hj. Musa. 2008. *Hati Budi Melayu*. Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Junita Setiana Ginting. 2014. *Kerja Tahunan: Pesta Tradisi Masyarakat Karo*. [ejournal.unsri.ac.id](http://ejournal.unsri.ac.id).
- J.S Badudu. 2009. *Kamus Peribahasa*. Jakarta: Pt Gramedia.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. 2010. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kartini Abd Wahab. 2016. *Profil Tumbuh-Tumbuhan Dalam Pantun Melayu*. GEOGRAFIA Online™ Malaysia Journal Of Society And Space, 12 Issue 11 (29-43)
- Kingkin Puput Kinanti & Anita Kurnia Rachman. 2019. *Padi Bagi Masyarakat Indonesia: Kajian Semantik Inkunsitif Pada Peribahasa Indonesia*. Basastra, 2019 Jurnal.Unimed. Ac.id
- Laurent Metzger. 2009. *Nilai-Nilai Melayu Satu Sudut Pandangan Orang Luar*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohammad Halib. 2004. *Peranan Tanaman Padi Dalam Pembangunan Pertanian Di Malaysia: Analisis Sejarah Dan Kontemporari*. Jati, Bil. 9, Disember 2004.
- Mohammad Kusnadi Wasri. 2007. *Kumpulan Peribahasa*. Jogjakarta: Lingkar Media.
- Noraini Abd. Shukor. 2016. *Padi Dan Air Sebagai Tanda Dalam Peribahasa Melayu: Pendekatan Firasat*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya.
- Noraini A. Shukor & Tengku Marlina. 2016. *Padi Sebagai Tanda Dalam Peribahasa Melayu*. Jurnal Melayu, Bil. 15 (1), 2016.
- Rejab F. I. 1992. *Adat Bersawah Di Perlis*. Jurnal Warisan Indera Kayangan, Bil. 4, (1992).
- Michael Riffaterre. 1978. *Semiotics of Poetry*. Bloomington and London: Indiana University Press.
- Salinah Ja'afar. 2016. *Fungsi Leksikal Alam Dalam Pantun Peribahasa Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.





Saidatul Nornis Hj. Mahali. 1999. *Mantera: Satu Penelitian Awal Di Kalangan Petani Bajau*. Jurnal Kinabalu V (1999) 51-82.

Wan Abdul Kadir. 1992. *Urbanisasi Dan Modernisasi Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.

Zainudin Hashim. 2008. *Masyarakat Tonggak Kekuatan Ummah*. Kuala Lumpur: Pustaka Yamien.

Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan. 2011. *Peribahasa Melayu Penelitian Makna Dan Nilai*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Zurinah Hassan. 2010. *Unsur Alam Dalam Puisi Melayu Modern*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/12/766215/upacara-wangkang-pantun-diiktiraf-dalam-senarai-wakil-unesco>

<https://kemlu.go.id/portal/id/read/1991/berita/unesco-tetapkan-pantun-sebagai-warisan-budaya-dunia-takbenda>

